UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

# PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 82 BIL 8/2023

## PELANJUTAN TARIKH PENGESAHAN PELAJAR PRASISWAZAH TINGGAL DI RESIDEN PELAJAR BAGI SEMESTER 2 SESI 2022/2023

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas. **Pelanjutan tarikh pengesahan pelajar prasiswazah tinggal di residen pelajar telah dilanjutkan sehingga 19 Februari 2023.** Sehubungan dengan itu semua pelajar prasiswazah yang sedang menginap di Residen Pelajar perlu mematuhi prosedur ini:

| **Pelajar Yang WAJIB Kekal Tinggal di Residen Pelajar pada Sem II Sesi 2022/2023**<br><br>**(KATEGORI A)** | **Pelajar Yang Dibenarkan Membuat Daftar Keluar Pada Sem II Sesi 2022/2023**<br><br>**(KATEGORI B)** |
|---|---|
| 1. Berikut adalah kategori pelajar yang WAJIB tinggal di Residen Pelajar pada Semester 2 Sesi 2022/2023:<br><br>i. Pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 (Pelajar perlu mendapatkan kelulusan dari Pengarah Perkhidmatan Pelajar melalui **Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar – (***Student Residence Attestation System*)<br><br>ii. Pelajar Laluan Khas (Badan Uniform, Ulul Albab, Dwi Ijazah, PEKA, MPP dan lain-lain kecuali bagi pelajar yang termasuk dalam **Kategori B**) | 1. Berikut adalah kategori pelajar yang dibenarkan untuk membuat proses daftar keluar (check out):<br><br>i. Pelajar yang akan bergraduasi<br><br>ii. Pelajar yang akan menjalani Latihan Industri<br><br>iii. Pelajar yang mengikuti program pertukaran pelajar<br><br>iv. Pelajar yang menangguhkan pengajian/menarik diri dari UMP.<br><br>2. Pelajar WAJIB melengkapkan **Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar** Pelajar selewat-lewatnya pada **19** |

| | |
|---|---|
| 2. Pelajar yang Wajib tinggal di Residen Pelajar dan lain-lain pelajar masih mahu menginap di Residen Pelajar pada Semester 2 perlu melengkapkan **Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar** selewat-lewat pada **19 Februari 2023** melalui E-community> **Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar** (*Student Residence Attestation System)* | **Februari 2023** melalui E-community>**Sistem Pengesahan Tinggal Di Residen Pelajar** (*Student Residence Attestation System)* |
| Untuk makluman, Jabatan Bendahari UMP akan melaksanakan **Polisi Yuran Asrama Tanpa Pulangan (*No Refund Policy*)** bermula pada semester hadapan. Oleh itu, pelajar yang telah melengkapkan prosedur ini dianggap telah **BERSETUJU** untuk dikenakan yuran asrama pada semester hadapan tanpa pemulangan. | 3. Pelajar perlu membuat Daftar keluar (check out) selewat-lewatnya pada **22 Februari 2023** melalui E-community:<br><br>*E-community>Hostel Check out>cetak borang check out>hantar kunci dan borang check out beserta video keadaan bilik.* |

2. Pelajar pra-siswazah yang menginap di RP boleh membuat pengesahan melalui E-community sehingga **19 Februari 2023 (PELUANG TERAKHIR). Sebarang rayuan untuk melanjutkan tempoh tersebut tidak dapat dipertimbangkan.**

3. **Pelajar yang tidak melengkapkan sebarang proses di atas, dianggap BERSETUJU untuk menginap di residen pelajar dan akan dikenakan yuran asrama pada semester hadapan tanpa sebarang pulangan.**

4. Pelajar dialu-alukan hadir ke Pejabat Residen Pelajar atau emelkan sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas ke residen@ump.edu.my .

5. Untuk pertanyaan *No Refund Policy*, pelajar boleh emelkan kepada Jabatan Bendahari di collection1@ump.edu.my

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
'Teknologi Untuk Masyarakat'

**MOHD RAIZALHILMY B. MOHD.RAIS**

Pengarah
Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni